

Anwar serah isu Titah Adendum kepada Seri Paduka

PM akui ada bincang mengenai pengampunan terhadap Najib bersama Agong

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan, beliau ada berbincang mengenai pengampunan kepada Datuk Seri Najib Razak, termasuk berkait Titah Adendum bersama Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Perkara itu disahkan Perdana Menteri ketika menjawab soalan lisan pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau bagaimanapun tidak mengesahkan sama ada wujud atau tidak Titah Adendum untuk membolehkan Datuk Seri Najib Razak menjalani baki hukuman penjara enam tahun sebagai tahanan di rumah.

Justeru, Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim untuk memutuskan mengenai isu kewujudan Titah Adendum berkenaan.

Mengulas lanjut, katanya perkara itu dikemukakan beliau bagi tujuan pertimbangan Sultan Ibrahim untuk masa yang difikirkan sesuai bagi merujuk mengenai Titah Adendum berkenaan kepada Lembaga Pengampunan yang akan dipengerusikan baginda.

"Setelah kes ini berlaku (timbul isu mengenai kewujudan Titah Adendum) tentu perkara ini dibangkitkan (dalam perbincangan bersama Sultan Ibrahim).

"Saya menghadap berulang kali tak pernah dibangkitkan (mengenai isu Titah Adendum), cuma kerana perkara ini terus dibangkitkan, saya ada kemukakan untuk pertimbangan Yang di-Pertuan Agong sekarang (Sultan Ibrahim).

"(Saya kemukakan) untuk pada masa yang difikirkan sesuai oleh Yang di-Pertuan Agong untuk merujuk kepada mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan Yang di-Pertuan Agong.

"Sebagai individu bertanggungjawab, saya lakukan (kemukakan mengenai isu Titah Adendum kepada Sultan Ibrahim), ke-



Anwar pada sesi pertanyaan menteri di Parlimen, semalam. (Foto bernama)

rana sesiapa pun berhak diberi pertimbangan sama ada menilai soal cara dan kaedah hukuman dijatuhkan atau pertimbangan yang disebut sebagai *fountain of mercy*," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali (BN-Pekan) mengenai langkah kerajaan bagi menamatkan pertikaian dan spekulasi mengenai Titah Adendum, selain perancangan Perdana Menteri selaku ketua kerajaan untuk menghadap Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bagi menyelesaikan kemelut ini.

Terdahulu, Perdana Menteri memaklumkan beliau adalah individu yang memohon supaya permohonan pengampunan Najib didengar Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan ketika mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dihadiri beliau pada 8 Disember 2023.

Perdana Menteri berkata, ia dibuat selepas mempertimbangkan kedudukan Najib sebagai bekas Perdana Menteri dan kemudian diperkenan Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Susulan itu, katanya, permohonan Najib didengar dalam mesyuarat Lembaga Pengampunan itu, namun menegaskan tiada perbincangan mengenai Titah Adendum dibangkitkan ketika itu.

Mengulas lanjut perbincangan beliau mengenai Titah Adendum bersama Sultan Ibrahim, Anwar berkata perkara itu sekali lagi dibincangkan ketika beliau bersama baginda di Johor Bahru semalam (kelmarin).

"Baru semalam (kelmarin) dalam perjumpaan di JB (Johor Bahru) perkara ini sekali dibincangkan kerana Tuanku Agong nak tahu perkembangan terkini...jadi kita serahkan wewenang Yang di-Pertuan Agong untuk untuk bawa (isu mengenai Titah Adendum) dalam mesyuarat

(Lembaga Pengampunan) dan menimbang (isu berkaitan kewujudan Titah Adendum) dengan sebaiknya.

"Keputusan Lembaga Pengampunan akan mempertimbang semua perjalanan kes, hukuman dijatuhkan, sikap dalam penjara, khidmat dan jasa serta kepercayaan bahawa dia akan menyempurnakan tanggungjawab dengan baik... semua pertimbangan itu diberikan," katanya.

Istana Pahang tak akan keluar kenyataan

Sementara itu, Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Datuk Seri Saiful Edris Zainuddin, dalam kenyataannya, memaklumkan Istana Pahang tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung Titah Adendum Yang di-Pertuan Agong ke-16 yang dikemukakan Najib dan affidavit oleh anaknya, Datuk Mohamad Nizar Najib.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat oleh Istana Pahang atas nasihat Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail bagi menghormati prosiding mahkamah.

Katanya, beliau sudah menghadap Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan menyembah maklum berhubung Titah Adendum Yang di-Pertuan Agong ke-16 yang telah dikemukakan Najib di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan affidavit Nizar.

"Berdasarkan nasihat Menteri Besar Pahang dan saya sendiri, serta bagi menghormati prosiding mahkamah, Istana Pahang tidak akan membuat sebarang kenyataan mengenai perkara ini kerana ia boleh mengakibatkan subjudis terhadap kes rayuan yang sedang dibicarakan di Mahkamah Rayuan yang dijadualkan pendengaran pada 6 Januari 2025, dan keputusan mengenai ini masih belum dibuat oleh mahkamah," katanya.